❤PENANG

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

1 - 15 JULAI, 2023

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Jajaran LRT hingga Tanjung Bunga jangka mula hujung tahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN** - Jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas kini dipanjangkan sehingga ke Tanjung Bunga berbanding perancangan asal yang berakhir di Komtar.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, walaupun jajaran dipanjangkan sehingga ke Tanjung Bunga namun stesen di Komtar, yang dikenal pasti berdekatan *Sia Boey Archeology Park*, masih menjadi hentian transit terpenting untuk orang ramai.

"Jajaran baharu iaitu bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di Bayan Lepas akan bersambung hingga ke Tanjung Bunga, panjang laluan adalah 29 kilometer (km) dengan 27 stesen dikenal pasti.

> **Jajaran baharu iaitu bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di Bayan Lepas akan bersambung hingga ke Tanjung Bunga, panjang laluan adalah 29 kilometer (km) dengan 27 stesen dikenal pasti.**
>
> **- Anthony Loke**




KETUA Menteri dan Anthony Loke Siew Fook (dua dari kanan) memerhatikan cadangan jajaran LRT pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

"Jajaran dari Bayan Lepas ke Tanjung Bungah ini merupakan Fasa Pertama dan berharap agar projek berkenaan dapat dilaksanakan segera.

"Sekiranya lancar, mungkin kita boleh buat panggilan tender pada hujung tahun ini dan dijangka mengambil masa lima tahun untuk disiapkan," ujarnya pada sidang media sejurus mengadakan lawatan kerja ke tapak cadangan di sini 30 Mei lalu.

Menemani beliau, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif; Yeoh Soon Hin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Ketua Seksyen Pengangkutan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Dato' Lim Hock Seng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Mohd. Zarif Hashim.

Mengulas mengenai pembinaan depoh, Siew Fook memaklumkan bahawa tapak sesuai untuk membina depoh LRT perlu dimuktamadkan terlebih dahulu sebagai komponen paling utama sebelum membuat keputusan berhubung pembiayaan projek berkenaan.

"Tanpa keputusan di mana letaknya depoh itu, kita (Kementerian Pengangkutan) tidak dapat memuktamadkan cadangan dari segi kos dan jajaran.

*(Sambungan di muka 2).*

# Lapan projek RM1.185 bilion bukti komitmen kelestarian bekalan air

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI DUA -** Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bakal melabur kira-kira RM1.185 bilion bagi melaksanakan projek bekalan air penting dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek-projek yang dirancang termasuk lima komponen utama terdahulu dan tiga komponen baharu di bawah Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030).

"Lima komponen utama adalah komponen asal iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor yang menggunakan teknologi pengapungan udara terlarut (DAF); Pakej 12A di LRA Sungai Dua bagi modul rawatan air tambahan; LRA Empangan Mengkuang; LRA Sungai Kerian Fasa 1 dan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) termasuk pra rawatan air mentah.

"Lima komponen asal ini akan mengoptimumkan dan meningkatkan kapasiti rawatan air serta membolehkan kita (Pulau Pinang) memanfaatkan tiga sumber air mentah tambahan baharu di Seberang Perai kelak iaitu Empangan Mengkuang diperbesarkan, Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai" ujarnya pada sidang media sejurus mengadakan lawatan teknikal bagi melihat perkembangan semasa Pakej 12A di LRA Sungai Dua dekat Tasek Gelugor pada 13 Mei lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. K. Pathmanathan.

Mengulas mengenai tiga komponen baharu di bawah WCP 2030, Kon Yeow yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP memaklumkan bahawa projek baharu antara lain melibatkan pemasangan saluran paip pengagihan air dari LRA Sungai Dua.

"Saluran paip agihan air 1,800 milimeter (mm) sepanjang 13 kilometer (km) dari LRA Sungai Dua ke Butterworth menjelang tahun 2024. Manakala dua lagi projek membabitkan pemasangan saluran paip agihan 1,800mm sepanjang 3.9km dari kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau.

"(Dan) lagi satu komponen adalah pembinaan LRA baharu di Sungai Muda bagi meningkatkan kapasiti air terawat sebanyak 114 juta liter sehari (JLH) yang mana ketiga-tiga komponen baru ini akan memudahkan pengepaman air yang lebih tinggi (dari segi kapasiti).

"Kesemua lapan komponen ini terkandung dalam WCP 2030 dan akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula tahun ini sehingga 2028 nanti dengan keseluruhan kos RM1.185 bilion," jelasnya.

Tambah Kon Yeow lagi, jumlah pelaburan tersebut sekali gus menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dan PBAPP yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan kelestarian bekalan air di negeri ini sehingga 2030.

"Lagipun, kita masih memerlukan lebih banyak bekalan air untuk mencapai aspirasi Visi Penang2030 yang mana kita juga meminimumkan risiko krisis bekalan air sebelum pentauliahan SPRWTS.

"Projek-projek di bawah WCP 2030 ini juga dapat menangani unjuran permintaan air maksimum sebanyak 1,500 JLH menjelang tahun 2030 dan dari sudut bekalan air ini adalah margin keselamatan yang baik untuk 1.74 juta penduduk di negeri ini," katanya.



KETUA Menteri meninjau perkembangan semasa projek pembangunan Pakej 12A di Loji Rawatan Air Sungai Dua dekat sini baru-baru ini.



Tapak projek yang sedang giat dibangunkan.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Depoh di lokasi strategik

"Jadi hari ini kita sudah mengadakan perbincangan kerana sebelum ini apabila cadangan LRT ini dikemukakan, depoh yang dicadangkan akan dibina adalah di atas Pulau A yang akan ditambak di bawah projek *Penang South Island* (PSI).

"Tetapi setelah kita berbincang, projek LRT ini tidak terikat dengan projek pulau (tambak), yang mana Kerajaan Persekutuan tidak akan terlibat dengan projek PSI, maka perlu memuktamadkan lokasi depoh LRT supaya boleh diangkat untuk persetujuan Kementerian Kewangan (bagi pembiayaan projek tersebut).

"Sememangnya ada cadangan daripada Kerajaan Negeri dan pengurus projek MRT Corp tetapi perlu pertimbangkan sewajarnya.

"Sebagai contoh, kita perlu memastikan depoh yang dibina itu adalah bersesuaian dan terletak di lokasi strategik bagi memudahkan pergerakan orang ramai," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Seremban, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Kon Yeow pada sidang media sama memberitahu, pengambilan tanah untuk projek LRT akan diminimumkan sebaik mungkin seperti menggunakan rizab jalan, tanah Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi mengurangkan kos.

Terdahulu, Kon Yeow bersama-sama Siew Fook menghadiri sesi pembentangan dan perbincangan di Komtar bagi meneliti cadangan serta hala tuju berhubung projek berkenaan yang dilihat mampu menyuraikan kesesakan lalu lintas di negeri ini.

Pada 6 Mei lalu, Perdana Menteri mengumumkan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan dana tambahan bagi menyegerakan pelaksanaan projek berkenaan.

Projek LRT Bayan Lepas adalah sebahagian komponen dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang merupakan pelan jangka panjang bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas di negeri ini.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Gandakan kehijauan negeri, lawan krisis perubahan iklim

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggandakan lagi tahap kehijauan Pulau Pinang termasuk sekitar kawasan lapang dekat Padang Kota Lama di Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini.

Mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Perumahan & Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata demikian semasa merasmikan projek Taman Linear iaitu fasa kedua kerja-kerja penarafan kawasan lapang di bawah Pelan Induk Persisir Pantai Utara.

"Jika mahu melawan krisis (perubahan) iklim, mesti ada lebih banyak kawasan hijau di negeri Pulau Pinang.

"(Dan) disebabkan hasrat (menggandakan tahap kehijauan negeri Pulau Pinang) tersebut, (projek Taman Linear) ini merupakan salah satu lagi projek yang telah kita (Kerajaan Negeri) rancang dan dimulakan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat sebelum menyempurnakan acara pecah tanah projek berkenaan di sini pada 15 Mei 2023.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa fasa kedua kerja-kerja penarafan projek Taman Linear di sini merupakan salah satu daripada 14 projek di bawah Program Pemajuan Kawasan Awam Persisir Pantai Utara.

Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Think City Sdn. Bhd. dan Yayasan Hasanah membiayai projek pembangunan bercampur tersebut dengan kos keseluruhannya RM140 juta =.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran yang berucap sebelum itu memberitahu bahawa projek Taman Linear merupakan antara inisiatif penambahbaikan Kawasan Persisiran Pantai Laut Utara George Town yang dibangunkan berdasarkan pewartawaan Rancangan Kawasan Khas George Town pada tahun 2016.

"Projek ini adalah susulan daripada inisiatif projek penambahbaikan tembok laut Padang Kota Lama yang telah siap pada tahun lepas (2022) dengan kos sebanyak RM14.5 juta," ujarnya.


BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri semasa merasmikan projek Taman Linear iaitu fasa kedua kerja-kerja penarafan kawasan lapang di bawah Pelan Induk Persisir Pantai Utara di sini baru-baru ini.

## Kekalkan hasil pengeluaran padi per hektar tertinggi - Exco

**BERAPIT -** Agromakanan merupakan antara sektor terpenting bagi meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata, kerajaan hari ini amat prihatin tentang keselamatan makanan *(food security)*.

"(Hal ini demikian) kerana ia merangkumi tanggungjawab kerajaan dalam memastikan rakyat mendapat sumber makanan yang mencukupi, mudah diakses dan selamat dimakan.

"(Dan) sumbangan serta impak melalui aktiviti-aktiviti pertanian dilihat mampu mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber sedia ada jika pengurusan rantaian bekalan dipergiat," ujarnya ketika hadir merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang diadakan di perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dekat Cherok Tok Kun di sini pada 11 Mei lepas.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Hafizuddin Othman; Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Pengembangan), Awang Iffaizul Awang Mohamad Sapuani dan Penolong Pengarah Pertanian, Nurliana Samsudin.

Mengulas lanjut, Norlela memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah berusaha meningkatkan kefahaman para petani mengenai amalan teknologi pertanian terkini yang dilihat mampu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman di sampung memberi nilai tambah terhadap produk akhir.

"Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM6.92 juta dan RM1.83 juta lagi disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan program-program pembangunan pertanian.

"Kita tahu bahawa Pulau Pinang merupakan antara tiga negeri terbaik dalam negara bagi pengeluaran hasil padi purata per hektar dan semua ini adalah usahasama kerajaan bersama-sama para pesawah dan usahawan tani.

"Di Seberang Perai Utara (SPU), padi merupakan tanaman utama dengan keluasan tanaman mencecah 8,144.29 hektar; begitu juga di Seberang Perai Tengah (SPT, 2.398.43 hektar) dan Seberang Perai Selatan (SPS, 1,267.43 hektar).

"Walaupun, hasil purata per hektar menurun pada bulan November 2022 (luar musim), namun jumlahnya masih melebihi purata hasil dalam musim utama iaitu 5.595 metrik tan per hektar (mt/ha) berbanding 4.845 mt/ha.

"(Dan) untuk tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri telah merancang untuk mengekalkan hasil pengeluaran padi per hektar pada 6.00 mt/ha, jumlah tertinggi dalam kalangan negeri lain di Malaysia.

"Berbanding di bahagian pulau, tanaman buah-buahan terutamanya durian menjadi pilihan dengan keluasan tanaman buah-buahan adalah 2,488.83 hektar yang mana subsektor tanaman makanan jenis buah dan sayur menunjukkan peningkatan.

"Walaupun Pulau Pinang kekurangan tanah pertanian namun penekanan terhadap produktiviti telah menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran," jelasnya.

Pada majlis sama, Norlela turut menyempurnakan penyerahan cek insentif pembangunan pertanian bagi tahun 2023 berjumlah RM6.945 juta.

Difahamkan, pemberian insentif tunai tersebut merangkumi lapan pembangunan antaranya iaitu Insentif Pembangunan Tanaman Utama dan Tanaman Berpotensi sebanyak RM2.45 juta; Insentif Pembangunan Industri dan Pemprosesan Makanan Serta Promosi (RM1.1 juta); Insentif Program Farmer to Farmer (F2F) - Industri Asas Tani (RM250,000) dan Insentif Program Farmer To Farmer (F2F) - Tanaman (RM250,000).

Selain itu, Insentif Khidmat Sokongan Mekanisasi Dan Kejenteraan Ladang (RM400,000); Insentif Peningkatan Kemahiran Usahawantani Negeri Pulau Pinang (RM1.05 juta); Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Pesawah (RM2.631 juta) dan Kebuniti Madani (RM1.45 juta).

Usai penyerahan cek berkaitan, Norlela turut meraikan anak-anak dari Pusat Jagaan Permata Kasih Mengkuang dengan pemberian duit raya serta meluangkan masa melawat ke reruai yang mengambil bahagian pada hari tersebut.



DR. Norlela Ariffin (tengah), Mohd. Muhaimin Ibrahim (kanan sekali) bersama-sama barisan jemputan dan wakil penerima pada majlis penyampaian sumbangan yang diadakan bersempena Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Segerakan Fasa 2B MDEP
# EMPANGAN MENGKUANG

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **PBAPP**



PROJEK Fasa 2B MDEP ini dilihat amat penting dalam memastikan Pulau Pinang dilihat lebih bersedia sekiranya berdepan situasi tidak diduga melibatkan Sungai Muda yang menjadi sumber utama air di negeri ini.

**BAYAN LEPAS** - Sekiranya kesemua fasa pembangunan berkaitan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) telah siap seperti dirancang peringkat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), 'empangan strategik negeri' itu mungkin boleh menyalurkan kembali sumber air mentah sehingga 1 Juta Liter Sehari (JLH) bagi memenuhi keperluan pengoperasian luar jangka maksimum di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua serta tidak menjejaskan kira-kira 400,000 akaun pengguna di negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Namun, sehingga kini terdapat empat komponen projek berkaitan MDEP masih tertangguh antaranya, Fasa 2B iaitu Pemasangan saluran paip keluli lembut berdiameter 1.6 meter (m) sepanjang 7 kilometer (km) dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua Canal untuk menaik taraf kapasiti penyaluran air mentah daripada 300 JLH kepada 600 JLH.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kementerian berwajib sepatutnya menyegerakan pelaksanaan Fasa 2B MDEP untuk membolehkan penyaluran lebih banyak air mentah dari Empangan Mengkuang ke LRA Sungai Dua semasa musim kemarau atau paras air Sungai Muda susut secara mendadak.

"Walaupun air di Empangan Mengkuang begitu banyak kira-kira 84,000 JLH disimpan di sana... (tetapi) paip yang telah dibina hingga kini cuma boleh melepaskan kembali air ke Sungai Muda terhad pada 300 JLH sahaja.

"Betullah kalau 300 JLH dilepaskan dari Empangan Mengkuang, daya tahan empangan itu adalah sehingga 70 hari, tetapi LRA Sungai Dua memerlukan 1,000 JLH (untuk mengelak gangguan pengoperasian tiap-tiap hari).

"Disebabkan itu, kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) mahu pemasangan paip dengan kapasiti sehingga 1,000 JLH, barulah Empangan Mengkuang ini boleh berfungsi sepenuhnya semasa musim kemarau atau ketika krisis sumber air mentah di Sungai Dua telah berlaku seperti baru-baru ini (14 Mei 2023).

"Kita (Kerajaan Negeri dan PBAPP) minta mereka menyegerakan semua komponen projek di bawah MDEP ini, tetapi mereka (Kerajaan Persekutuan) kata tidak perlu pun.

"Mungkin dengan dua insiden (iaitu kekeruhan air mentah Sungai Muda terlalu tinggi pada 8 September 2022 dan paras Sungai Muda susut secara mendadak pada 14 Mei 2023) yang telahpun terjadi ini, mereka (Kerajaan Pusat) perlu melihat semula (peri penting menyegerakan komponen projek berkaitan MDEP yang tertangguh sehingga kini)," jelasnya dalam sidang media berkaitan di pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini pada 16 Mei 2023.

Kon Yeow dengan itu menyatakan bahawa isu teras bukan kapasiti Empangan Mengkuang boleh menyimpan air sehingga 10 bulan, sebaliknya tanpa saluran paip Fasa 2B MDEP, jumlah maksimum air yang boleh dilepaskan dari empangan pada 15 Mei 2023 adalah terhad kepada 300 JLH.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa keseluruhan komponen projek di bawah MDEP dianggarkan menelan belanja kira-kira RM1.2 bilion.

Sejak tahun 2011, projek pembesaran Empangan Mengkuang dan kerja-kerja yang berkaitan untuk meningkatkan kapasiti simpanan air mentah maksimum daripada 22 bilion liter (BL) kepada 73.5BL telahpun dilaksanakan dengan kos RM607 juta dan siap pada 10 April 2017.

Dengan kos RM63.5 juta, Fasa 2A MDEP iaitu projek menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong dan kerja-kerja berkaitan untuk meningkatkan kapasiti pengepaman air mentah (daripada 200 JLH kepada 400JLH) dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang disiapkan pada 28 September 2017.

ANTARA projek pembinaan yang sedang dijalankan bagi membolehkan penyaluran 1,000 JLH air dari Sungai Mengkuang ke Sungai Muda sekiranya berlaku insiden membabitkan pembekalan air ke LRA Sungai Dua seperti baru-baru ini.



**Berikut adalah tiga lagi komponen projek berkaitan MDEP yang masih tertangguh, iaitu:-**

- Fasa 2B MDEP dengan anggaran kos RM100 juta dan sepatutnya dijangka siap pada tahun 2022;
- Pemasangan paip tambahan untuk meningkatkan kapasiti pelepasan air sehingga 1,000 JLH pada bila-bila masa;
- Fasa 2C MDEP iaitu projek Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH dan kerja-kerja berkaitan untuk mempercepat pengisian semula empangan dengan mengepam lebihan air mentah dari Sungai Muda;
- Cadangan pembinaan baraj baharu merentasi Sungai Muda dekat Rantau Panjang (dalam sempadan negeri Pulau Pinang) bagi menyokong operasi tambahan abstrak sumber air mentah semasa musim kemarau, untuk pengisian semula ke Empangan Mengkuang.

# GEORGE TOWN sebagai KORIDOR HIJAU



SINONIM dengan aktiviti kesukaan beliau iaitu berbasikal.

**MULA** melaporkan diri sebagai arkitek pada 1 Mac 1991, sedar tidak sedar **DATO AR. YEW TUNG SEANG** berkata bahawa beliau sudah berkhidmat dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama kira-kira 32 tahun.

Menjadi Datuk Bandar MBPP selama lima tahun, Tung Seang, 61, telah bersara wajib pada 5 Mei 2023.

Ekoran persaraannya, kerusi Datuk Bandar MBPP ditaklifkan kepada Dato' Ir. A. Rajendran, yang sebelum itu merupakan Setiausaha Bandaraya di bawah Tung Seang sendiri.

Dalam sesi bual bicara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** baru-baru ini, Tung Seang berkongsi secara santai perjalanan kerjayanya bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Menurut Tung Seang, beliau menjadi Datuk Bandar MBPP pada 22 Januari 2018.

Sebelum itu, Tung Seang berkata bahawa beliau juga pernah ditaklifkan sebagai Pengarah Kejuruteraan MBPP, kemudian sebagai Setiausaha Bandaraya di bawah kepemimpinan Datuk Bandar MBPP, Dato' Seri Maimunah Mohd. Shariff.

Sebagaimana diketahui umum, Tung Seang dikenali sebagai seorang yang aktif riadah terutama dalam aktiviti berbasikal.

Walau dihambat dengan pelbagai tugas pentadbiran, kelibatnya bersama-sama kelompok berbasikal bandar senantiasa mencuri perhatian ramai pihak.

Kata Tung Seang, beliau memang mahu bandar raya George Town terutamanya sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO dikenali sebagai koridor hijau dengan aktiviti berbasikal dan berjalan kaki secara selamat serta selesa.



AR. Yew Tung Seang *'tumbprint'* pada hari akhir sebelum bersara wajib sebagai Datuk Bandar MBPP pada 5 Mei 2023.

Bagi menjadikan bandar raya George Town sebagai kawasan berjalan kaki secara selamat dan selesa, jelas Tung Seang lagi bahawa pentadbirannya dengan sokongan Kerajaan Negeri serta agensi-agensi berkaitan cuba mengubah lorong-lorong kecil yang gelap serta kotor dengan wajah yang lebih menarik.

Tambah beliau, tidak langkap sebuah bandar raya jika PBT tidak turut memberi tumpuan kepada aspek pendidikan komuniti terutama generasi muda.

Justeru, Tung Seang menyatakan bahawa sepanjang menjadi Datuk Bandar MBPP, beliau turut berusaha menjadi rakan strategik kepada Kerajaan Negeri bagi merealisasikan program STEM atau Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik melalui penubuhan MakerSpace@MBPP di Balik Pulau dan pada masa sama juga melaksanakan beberapa projek infrastruktur berkaitan lain sekitar kawasan pentadbiran bandar raya George Town.

## Presiden MALA

Ditanya mengenai perkara yang paling membanggakan semasa ditaklifkan sebagai Datuk Bandar MBPP, Tung Seang dalam nada sederhana memberitahu bahawa apabila beliau dipilih sebagai Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

"Sejak saya menjadi Datuk Bandar MBPP, saya telah dipilih sebagai presiden MALA juga.

"Kami mempunyai sejumlah 102 majlis tempatan di bawah MALA dan kesemuanya memberi sokongan penuh kepada saya.

"Dan, setiap dua tahun kita akan mengadakan pilihan raya dan sehingga kini, saya masih kekal sebagai presiden.

"Justeru, ini menunjukkan Pulau Pinang benar-benar mendahului PBT lain, dan ini sekali gus menjadi suatu pengiktirafan kepada MBPP dan juga penduduk di bandar raya ini.

"Adalah menjadi harapan besar saya bahawa Rajendran akan terus memimpin kerajaan tempatan melalui platform ini (MALA)," ulasnya lanjut.

## Penghargaan

Di samping itu, Tung Seang turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana memberi kepercayaan kepadanya memimpin MBPP sebelum ini.

Tidak dilupakan juga, menurut beliau, adalah sekalian ketua-ketua jabatan serta kakitangan sokongan di semua peringkat MBPP yang senantiasa komited dan dedikasi dalam membantunya merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri hari ini iaitu Visi Penang2030 dengan tema 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'.

"Saya juga menghargai sokongan daripada semua ahli majlis, kakitangan MBPP dan orang ramai.

"Saya berharap MBPP akan meneruskan rancangan transformasinya untuk menjadikan Pulau Pinang negeri yang lebih baik untuk semua orang," katanya.

Mengakhiri bicarawara, Tung Seang berkata bahawa buat masa ini beliau ingin berehat dahulu selepas bersara wajib sebagai Datuk Bandar MBPP.

"Selepas ini, saya akan lihat ke mana saya akan pergi selepas itu," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara atas sesi temu bual secara eksklusif ini.

# Mural Medan Renong buka peluang belia

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** – Seramai 60 peserta terlibat dalam menjayakan program *Black Canvas: Mural Art* di Kompleks Makanan Medan Renong Padang Kota yang dianjurkan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di sini.

Semasa merasmikan program tersebut, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa pihaknya merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran khususnya Jabatan Pelesenan kerana membiayai kos projek kesenian tersebut.

"Saya menghargai usaha mereka dalam memberi peluang kepada golongan belia untuk menunjukkan bakat mereka dalam menghasilkan seni mural sepanjang 48 meter (m).

"Isi kandungan mural ini adalah mengenai dasar-dasar MBPP," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dalam sidang media berkaitan di sini pada 14 Mei 2023.

Selain Rajendran, hadir sama, Pengarah Bahagian Pelesenan MBPP, Dr. Chin Wee Loon; Pengurus Besar PWDC, Dr. Gwee Sai Ling; wakil Persatuan Penjaja Kompleks Makanan Medan Renong Padang Kota, Abdul Razak Mohd. Hussain dan Amirul Helmi (artis mural bagi program *Blank Canvas: Mural Art* di Kompleks Makanan Medan Renong Padang Kota).

Buletin Mutiara difahamkan projek berkaitan mula dilaksanakan sejak 3 Disember tahun lepas.

Sejak tahun 2021 hingga kini, PYDC dengan beberapa rakan strategik tertentu berjaya menghasilkan lapan projek melukis mural dengan penglibatan 228 sukarelawan agensi negeri tersebut, antaranya di Taman Riang dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Jermal.




**SOON Lip Chee (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan terlibat menyempurnakan gimik perasmian program *Black Canvas: Mural Art* di Kompleks Makanan Medan Renong Padang Kota di sini baru-baru ini.**

# RM7.7 juta baik pulih cerun Lorong Bukit Kukus

**PAYA TERUBONG** – Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan kira-kira RM7.7 juta bagi melaksanakan projek baik pulih cerun di Lorong Bukit Kukus (berhadapan *Grand View Heights*) yang sebelum ini pernah berlakunya runtuhan bongkah batu pada Oktober 2020.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata, selepas aduan diterima, Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil langkah melakukan mitigasi sementara di cerun tersebut.

"Selepas itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membuat tinjauan dan mengenal pasti tahap keselamatan cerun sebelum melantik syarikat perunding untuk membuat kajian.

"Rentetan tersebut, Kerajaan Negeri melalui MBPP juga melantik syarikat Jurutera Geoteknikal dan Ukur Bahan bertauliah untuk sekali lagi membuat tinjauan dan mendapati kerja-kerja mitigasi kekal perlu dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang masalah pada masa akan datang," ujarnya dalam sidang media bersempena sesi lawatan tapak di sini 12 Mei lalu.

Hadir sama, Jurutera Geoteknikal Cerun MBPP, Mohd. Hanafi Mohd. Yaacob.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu bahawa daripada RM7.7 juta tersebut, kos pembinaan dianggarkan bernilai RM6.8 juta dan RM893 juta adalah kos perunding bagi pelaksanaan kajian reka bentuk serta lain-lain.

Difahamkan pada 27 April lalu, syarikat Megabina Industries Sdn. Bhd. telah berjaya membida projek berkaitan.

Mohd. Hanafi dalam sidang media sama menyatakan bahawa skop-skop kerja yang bakal dilaksanakan bakal merangkumi *rook bolt, rock fall netting, soil nailing, gun knitting*, perparitan, pemasangan pagar dan penurapan semula jalan raya

"Dianggarkan kerja-kerja sepanjang 400 meter ini dimulakan pada 15 Mei 2023 dan dijangka siap pada November 2024," katanya.



**KEADAAN struktur runtuhan bongkah batu sebelum ini.**



**ZAIRIL Khir Johari (tengah) meneliti pelan projek sambil mendengar penerangan daripada Mohd. Hanafi Mohd. Yaacob (kanan sekali) pada sesi sidang media di sini baru-baru ini.**

# Dewan urus jenazah harap dimanfaatkan komuniti lokal

**AIR ITAM** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata bahawa pihaknya berharap inisiatif agensi negeri, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (HEB) yang berjaya membina dewan urus jenazah dekat Padang Tembak dapat memberi kemudahan lebih baik kepada komuniti lokal terutama dalam kalangan kelompok isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) di sini.

"Penduduk di sekitar (Padang Tembak) telah dipilih kerana saya dimaklumkan mereka menetap di kediaman rumah pangsa yang padat serta tidak mempunyai kemudahan sesuai untuk tujuan penyimpanan mayat.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) telah meluluskan Lesen Pendudukan Sementara bagi tapak seluas 1,873 kaki persegi di Plot A, Seksyen 2, Bandar Air Itam dengan kadar sewa tahunan yang nominal," ujarnya selaku Pengerusi HEB sewaktu menyempurnakan majlis perasmian pembukaan dewan urus jenazah tersebut di sini pada 13 Mei 2023.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; ADUN Bagan Dalam, M. Satees serta Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato. Ir. A. Rajendran turut sertai majlis tersebut.

Semasa berucap, Ramasamy memberitahu bahawa HEB telah memperuntukkan RM302,000 bagi menjayakan projek pembinaan kemudahan khusus untuk penganut agama Hindu menguruskan jenazah penduduk lokal, sementara baki RM50,000 lagi disumbangkan oleh Ahli Parlimen Bukit Bendera.

"Diharapkan dengan kemudahan yang telah disediakan ini, ia dapat memudahkan penduduk sekitar serta dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua pihak," jelasnya yang juga ADUN Perai.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa dewan urus jenazah tersebut terdiri daripada tiga bilik penyimpanan mayat yang masing-masing berkeluasan 450 kaki persegi serta dilengkapi dengan fasiliti penyaman udara dan kipas.

Mengulas lanjut, Ramasamy memberitahu bahawa dewan urus jenazah tersebut juga turut mempunyai kemudahan tandas, bilik stor serta dilengkapi dengan reka bentuk sejagat seperti laluan khas *(ramp)* untuk orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Ramasamy menyatakan bahawa pihaknya berharap semua kemudahan dewan urus jenazah tersebut turut dapat dimanfaatkan oleh kelompok B40 bukan Islam yang bukan beragama Hindu.

"Kadar sewa bakal dikenakan dengan caj berpatutan kepada pengguna bagi penggunaan bilik mayat di dewan jenazah berkaitan.

"Bagi sesiapa yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan di dewan jenazah ini boleh menghubungi HEB di talian 04 – 226 2593 atau 012 – 492 6734," ulasnya lanjut.

# Taman Teknologi Bandar Cassia pelengkap BKIP




KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Taman Teknologi Bandar Cassia di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT TAMBUN –** Sejak tahun 2008 sehingga 2022, sektor pembuatan di negeri Pulau Pinang merekodkan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM196.67 bilion sekali gus membuktikan negeri ini kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pencapaian Kerajaan Negeri dalam tempoh tersebut adalah sesuatu yang boleh dibanggakan dan menunjukkan bahawa segala usaha serta komitmen yang dilakukan oleh pentadbiran kini mampu menyuntik pertumbuhan yang berterusan.

"Sejak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengambil alih (pentadbiran) lebih 14 tahun lalu, kita sangat komited dan dedikasi untuk mendahului sektor pelaburan di Malaysia, lebih tepat adalah bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan," ujarnya yang hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Taman Teknologi Bandar Cassia atau *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) dekat Batu Kawan di sini 20 Mei lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar, ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Aziz Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang (IP), Dato' Loo Lee Lian.

Mengulas lanjut mengenai projek berkaitan, Kon Yeow memaklumkan bahawa BCTP seluas 246 ekar itu bakal menjadi bandar ketiga yang dibangunkan oleh PDC selepas Bayan Baru dan Seberang Jaya.

"Pihak PDC, IP serta beberapa agensi negeri dan Persekutuan dilihat memainkan peranan yang cukup penting dalam merealisasikan pembangunan BCTP.

"BCTP yang terletak di tengah-tengah Bandar Cassia sangat strategik, dirancang dengan penuh teliti dan akan menempatkan syarikat multinasional berteknologi tinggi, mesra alam bagi sektor-sektor elektrik dan elektronik (E&E), peralatan perubatan, automotif, semikonduktor dan penyelesaian automasi.

"Pembangunan BCTP akan dilaksanakan dalam lima fasa, dengan Fasa 1 merangkumi kawasan seluas 60 ekar yang dijadualkan siap menjelang Ogos 2023.

"(Dan) dijangka keseluruhan projek BCTP akan siap menjelang Ogos 2025 yang mana syarikat Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd. dijangka menjadi syarikat pertama mendirikan pelan struktur di sini," jelas Ahli Parlimen Batu Kawan itu.

Difahamkan, BCTP akan menjadi pelengkap kepada Batu Kawan Industrial Park (BKIP) yang menempatkan 170 syarikat multinasional seperti *Lam Research, Boston Scientific, VAT Manufacturing, Dexcom, Vitrox, Pentamaster, Greatech* dan pelbagai lagi.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi yakin bahawa kewujudkan BCTP bakal memberi limpahan ekonomi untuk Pulau Pinang sekali gus menjadikan negeri ini antara kuasa ekonomi kukuh dalam negara untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan.

"Ini semua turut melibatkan pelaburan yang besar bagi sektor lain seperti infrastruktur fizikal dan digital, sumber manusia, meningkatkan daya huni terutamanya dalam mengekalkan status sebagai penyumbang kepada ekonomi negara dan dikenali sebagai 'Lembah Silikon Timur'," ulasnya lanjut.

Nada sama turut disuarakan oleh Aziz yang pasti bahawa pembangunan terbaharu tersebut bakal menjadi pendorong kepada para pelabur untuk kekal yakin berada di Pulau Pinang khasnya di Batu Kawan.

"Ditambah dengan projek-projek sedia ada dan sedang dirancang demi kepesatan ekonomi Pulau Pinang," katanya.

## Langkah proaktif PDC laksana pelan strategik 2019-2023

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya percaya melalui Pelan Strategik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) 2019-2023 bukan sahaja mampu menjana pulangan kepada agensi negeri tersebut untuk tempoh jangka masa panjang, malah sekali gus mengembangkan potensi ekonomi serta meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk negeri.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sambutan Aidilfitri PDC 2023 di sini pada 16 Mei 2023.

"Dengan perancangan strategik PDC yang telah digariskan ini, saya yakin dan percaya projek-projek telah dirancang mampu memberikan pulangan pendapatan yang lebih baik kepada PDC dalam tempoh jangka masa panjang.

"Diharapkan juga dengan perancangan teliti dan kerjasama erat yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan lain dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan serta perkembangan ekonomi dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan penduduk di Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis tersebut.

Turut menyerikan majlis, Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor serta isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee yang juga Penaung Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Negeri Pulau Pinang.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Penasihat Undang-Undang Negeri, Roslinda Mohd. Shafie dan Exco-Exco Kerajaan Negeri.

Turut berucap pada majlis berkaitan, Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar.

Ditubuhkan pada 1969, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya begitu gembira dengan langkah proaktif PDC dalam meneroka peluang baru sepanjang tempoh tiga tahun pasca krisis ekonomi dek pandemik COVID-19.

Tambah beliau, sepanjang suku pertama tahun 2023 (1Q23), melalui Pelan Strategik PDC 2019-2023 menyaksikan pelbagai strategi dan inisiatif dilaksanakan yang mana fokus utama adalah lebih kepada projek-projek yang dapat menjana pulangan terbaik serta mampan kepada agensi negeri tersebut.

Difahamkan, sehingga kini, PDC telah menerajui pembangunan sembilan kawasan perindustrian negeri yang mana dalam tahun ini termasuk *Bandar Cassia Technology Park* dan Batu Kawan Industrial Park 3 dengan konsep taman perindustrian berintegrasi seluas kira-kira 673 ekar bagi memenuhi permintaan pelabur yang kian meningkat.

Di samping itu, PDC juga semasa ini meneruskan usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelabur utama bagi aktiviti-aktiviti perkhidmatan perniagaan global, penyelidikan dan pembangunan (R&D), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Usaha PDC itu termasuk melaksanakan fasa pembangunan projek *'GBS By The Sea'* iaitu iaitu projek GBS ketiga selepas GBS@Mayang dan GBS@Mahsuri.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara difahamkan syarikat semikonduktor, AMD Global Services (M) Sdn. Bhd. akan menjadi salah satu penyewa terbesar dengan menyewa 70 peratus ruang lantai *'GBS By The Sea'* apabila perkhidmatan perniagaan global tersebut siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Serentak itu, Kon Yeow turut memuji keberanian PDC 'terjun' dalam industri tenaga hijau dan pengurusan sisa dengan penubuhan firma subsidiari iaitu Solar Voltech Sdn. Bhd..

"Bagi fasa permulaan, beberapa projek solar yang berpotensi telah dikenal pasti iaitu dengan menumpukan kepada projek pembangunan PDC seperti *Motorola Innoplex*, SME Bayan Lepas (Plot 105), *SME Centre Batu Kawan*, GBS@One Mahsuri, GBS@Mayang, *PDC Gallery* dan Komtar," ulasnya sambil memuji usaha pentadbiran Aziz dalam merealisasikan Pelan Strategik PDC 2019-2023.

# Lakaran kejayaan boria

**BARU** setahun aktif, pasukan boria Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Kawan telah merangkul kejayaan tersendiri.

Dalam pertandingan boria peringkat kebangsaan yang diadakan sempena Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang dekat Kampung Terus, Penanti pada tahun lepas, pasukan berkenaan telah memenangi tempat ketiga terbaik.

Baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berpeluang menjejaki dua tonggak utama di sebalik kejayaan pasukan boria sekolah rendah berkenaan.

Mereka berdua yang dimaksudkan adalah **CIKGU ANITA MOHD. ARSHAD** dan **CIKGU KAMSIAH MOHD. ISA**.

Dalam bual bicara lebih setengah jam, masing-masing dilihat tidak dapat menyembunyikan kejayaan yang dirangkul bersama-sama para murid terlibat.

"Kami memang tidak menyangka bahawa akan dipilih berada dalam kelompok tiga terbaik memandangkan pertandingan pada 22 Julai tahun lalu (2022) tersebut turut disertai (kumpulan boria) sekolah menengah.

"Semasa membuat persiapan akhir, memang kami tidak menyangka bahawa persembahan murid-murid akan menarik perhatian juri.



CIKGU Anita Mohd Arshad.

"(Ini kerana, kami hanya mempunyai kira-kira seminggu untuk mencari murid yang berminat bagi membentuk satu pasukan, menyediakan corak (persembahan) kami serta mencipta lagu dan koreografi tarian baharu apabila kami memutuskan untuk menghidupkan semula pasukan boria sekolah," jelas Cikgu Anita.

Menurut beliau, dengan pencapaian tersebut sedikit sebanyaknya bukan sahaja menjadi memberi suntikan semangat untuk pasukan boria sekolah lebih aktif, malah turut menjadi kebanggaan buat warga sekolah secara umumnya.

"Kami amat berbangga dengan keputusan dan prestasi boria yang ditunjukkan oleh pasukan kami.



CIKGU Kamsiah Mohd. Isa.



> **Kami amat berbangga dengan keputusan dan prestasi boria yang ditunjukkan oleh pasukan kami.**
>
> **- Cikgu Anita**

"Pencapaian sebegini memberi kami motivasi untuk terus bersama pasukan boria di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Kawan," kata Anita lagi.

Sejak memenangi tempat ketiga dalam pertandingan peringkat kebangsaan tersebut, beliau memberitahu bahawa pasukan boria SK Batu Kawan mula menerima undangan untuk membuat persembahan pentas.

"Sejak memenangi pertandingan tersebut pada tahun lepas, kami (pasukan boria Sekolah Kebangsaan Batu Kawan) terus aktif.

"(Kejayaan tersebut) telah menyuntik semangat keyakinan yang besar untuk saya dan rakan saya, Kamsiah, dan juga untuk semua murid dalam pasukan boria sekolah.

"Tambah-tambah boria ini adalah acara kebudayaan yang unik dan sentiasa sinonim dengan Pulau Pinang, maka, tidak susah untuk pihak pentadbiran sekolah mahu terus menggalakkan generasi muda mengambil bahagian.

"Kami juga mahu generasi muda menghargai kepentingan budaya dan warisan boria yang sekali gus mengekalkan identitinya sebagai sebahagian daripada tradisi kami (di negeri Pulau Pinang)," katanya.

Tambah Cikgu Anita, setiap persembahan boria biasanya mempunyai latar cerita yang perlu disampaikan terlebih dahulu, lalu disusuli dengan persembahan tarian serta nyanyian untuk memberi mesej tertentu.

"Persembahan itu juga diketuai oleh tukang karang (penyanyi utama).

"Setiap persembahan boria juga mempunyai tema tersendiri



RAKAMAN gambar kenangan pasukan boria SK Batu Kawan.

# SK Batu Kawan



RAKAMAN berkumpulan bersama-sama warga pendidik dan pasukan boria.

seperti pembangunan boria, perpaduan antara kaum, Merdeka dan sebagainya," ulasnya.

Ditanya mengenai persiapan pasukan boria sekolah pada masa hadapan, Cikgu Anita memberitahu bahawa beliau bersama-sama rakannya sedang membuat persiapan berkaitan bagi menyertai pertandingan boria peringkat daerah.

"Pertandingan ini dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Bagi peringkat daerah, pasukan boria SK Batu Kawan yang terdiri daripada 14 peserta serta dua simpanan akan menyertai pertanding tersebut dengan tema ialah Malaysia Madani," jelasnya.

Pada masa yang sama, Cikgu Anita berkata bahawa pihaknya akan terus merekrut murid baharu untuk memperkukuhkan barisan pelapis boria di samping memenuhi jemputan luar, jika ada pada masa hadapan.

"Setakat ini, persiapan sedang giat dibuat rapi.

"Sesi latihan boria dijalankan dua atau tiga kali seminggu semasa sesi persekolahan tetapi bukan semasa pengajaran kelas mata pelajaran teras kerana kami tidak mahu mengganggu program akademik mereka," katanya sambil memberitahu bahawa pihaknya senantiasa mengalu-akukan sebarang jemputan untuk pasukan boria sekolah membuat persiapan pentas berkaitan.

Dalam temu ramah berasingan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik menyatakan bahawa beliau turut gembira dengan pasukan boria SK Batu Kawan di bawah bimbangan kedua-dua guru berkenaan.

